

Research Article

## Pengurusan Tingkah Laku dan Disiplin Pelajar di Sekolah Kebangsaan Bagan Datuk Perak

Nurul Atikah Mohamad Razman<sup>1</sup>, Nur Fatimah Najwa Mohd Tarmizi<sup>2</sup>, Syasya Aqilah Zamri<sup>3</sup>, Nur Arifah Adila Mohd Fauzi<sup>3</sup>, Ainurul Shafiqah Mohamad Khairul Azhar<sup>3</sup>, Nur Farzana Balqis Mohd Fauzi<sup>3</sup>, Mohd Razimi Husin<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pendidikan Biologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

<sup>2</sup> Pendidikan Seni, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

<sup>3</sup> Pendidikan Bahasa Arab, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

<sup>4</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

### Article History

**Received:**  
11.07.2022

**Revised:**  
30.07.2022

**Accepted:**  
04.08.2022

**\*Corresponding Author:**  
Mohd Razimi Husin  
**Email:**  
razimi@fpm.upsi.edu.my

This is an open access article,  
licensed under: [CC-BY-SA](https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/)



**Abstrak:** Proses pengurusan tingkah laku dan disiplin di sekolah mempengaruhi sejauhmana keupayaan sesebuah sekolah untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Kajian ini merangkumi objektif untuk mengenal pasti strategi-strategi yang digunakan oleh guru dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin sekolah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual dengan salah seorang guru disiplin daripada sekolah yang terpilih. Dapatan kajian diolah dengan menggunakan analisis SWOT. Kajian mendapati bahawa peranan utama dalam menangani masalah tingkah laku dan disiplin murid ialah keluarga. Selain itu, pihak sekolah berperanan untuk menambah nilai pengajaran mata pelajaran iaitu menerapkan nilai-nilai murni dalam semua kelas. Pelajaran boleh dijalankan secara interaktif, memberikan murid lebih berminat untuk hadir ke sekolah dan meneruskan pelajaran. Unsur-unsur tema keagamaan dan kewarganegaraan perlu ada dalam semua mata pelajaran agar golongan muda diasuh dengan nilai-nilai murni dalam apa jua perkara yang dipelajari.

**Kata Kunci:** Pengajaran dan Pembelajaran, Pengurusan Tingkah Laku dan Disiplin, SWOT.

### Behavior Management and Student Discipline at Sekolah Kebangsaan Bagan Datuk Perak

**Abstract:** The process of managing behavior and discipline at school affects the extent to which a school is capable of inculcating good values in students. This study includes the objective to identify the strategies used by teachers in the management of behavior and school discipline. This study was conducted by using the interview method with one of the discipline teachers from the selected school. Research findings are processed using SWOT analysis. The study found that the main role in dealing with student behavior and discipline problems is the family. In addition, the school plays a role in adding value to the teaching of subjects, i.e. applying good values in all classes. Lessons can be conducted interactively, giving students more interest in attending school and continuing their studies. The elements of religious and citizenship themes must be present in all subjects so that young people are nurtured with pure values in whatever they study.

**Keywords:** Behavior Management and Discipline, SWOT, Teaching and Learning.



## 1. Pengenalan

Pengurusan tingkah laku dan disiplin merupakan asas kejayaan dan kecemerlangan setiap individu. Maka, pembentukan tingkah laku dalam diri individu sangatlah penting seiring dengan kepentingan dalam memperoleh ilmu pengetahuan kemahiran dalam sesuatu bidang tertentu. Kejayaan pihak sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran dipengaruhi keupayaan sekolah untuk menerapkan disiplin dalam diri pelajar. Proses pengurusan tingkah laku dan disiplin di sekolah mempengaruhi sejauhmana keupayaan sesebuah sekolah untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

Tingkah laku boleh didefinisikan sebagai gerak-geri, kelakuan, segala perbuatan yang melibatkan kegiatan motor seperti berjalan, berlari, bergerak, berinteraksi, dan memberi respon atau tindak balas terhadap sesuatu sama ada dalam keadaan sedar ataupun tidak. Malah, tingkah laku juga merangkumi gambaran emosi dan mental seseorang. Definisi tingkah laku juga boleh diertikan sebagai satu pergerakan yang mempunyai kesan terhadap persekitarannya. Menurut Baer et. al [1], tingkah laku dapat dilihat melalui tindakan-tindakan manusia yang diperhati dan dinilai tingkahnya. Pelbagai perkataan yang sering digunakan bagi menggambarkan tingkah laku seseorang seperti aktiviti, aksi, perbuatan dan bergerak balas [2]. Dari perspektif Islam menurut Al-Ghazali pula, tingkah laku manusia mempunyai tujuan agama dan kemanusiaan.

Seterusnya, disiplin memainkan peranan penting ke arah pembentukan sahsiah para pelajar. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka [3], disiplin merupakan latihan pemikiran dan tindakan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh kepada tata tertib. Di sekolah, disiplin merupakan daya sosial bagi mewujudkan suasana yang harmoni dan aman serta keadaan yang kondusif agar proses pengajaran dan pembelajaran dalam berjalan dengan lancar dan berkesan. Kementerian Pendidikan Malaysia [4] pula memperluaskan takrifan disiplin dengan menyatakan bahawa disiplin merupakan salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan yang berkait rapat dengan keadaan, akhlak, tata tertib, tatasusila dan kesopanan. Orang yang berdisiplin bukan sahaja mematuhi perlakuan yang dikehendaki oleh masyarakat tetapi juga menganut perlakuan yang diingini oleh masyarakat. Disiplin merupakan satu bentuk pengawasan dan membiasakan amalan yang dikehendaki [5]. Beliau berpandangan bahawa sekolah merupakan sebuah mesin pedagogi dan pelajar-pelajar di disiplinkan supaya mematuhi segala peraturan yang ditetapkan. Malah, disiplin juga dijadikan kawalan sosial bagi mewujudkan suasana yang harmoni supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan tanpa sebarang gangguan. Perkataan disiplin berasal daripada perkataan bahasa Latin “disciplina” yang bermaksud untuk belajar atau mengajar [6] Sebagai contoh, pelajar mempelajari bagaimana untuk berkelakuan baik daripada ibu bapa di rumah atau guru di sekolah manakala ibu bapa dan guru berperanan mengajar atau memperbaiki kesilapan yang mereka lakukan. Jelaslah bahawa disiplin bukan sahaja dilihat sebagai penguatkuasaan dari segi peraturan dan pelaksanaan hukuman tetapi juga sebagai pembentukan diri seseorang ke arah yang lebih baik.

Pengurusan tingkah laku merupakan tingkah laku yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang tertentu sama ada guru atau ibu bapa terhadap individu bagi membentuk perlakuan luaran dan dalaman agar individu tersebut mempunyai tingkah laku yang memberi manfaat kepada masyarakat malah sentiasa diterima oleh masyarakat. Pengurusan tingkah laku juga boleh ditakrifkan sebagai satu rancangan untuk memodifikasikan tingkah laku bermasalah kepada satu matlamat yang telah ditetapkan dengan teknik yang sesuai [7]. Pengurusan tingkah laku dan disiplin merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ianya mempengaruhi tahap kecemerlangan akademik pelajar serta mewujudkan suasana yang kondusif untuk belajar. Sebagai contoh, proses pembelajaran akan terganggu sekiranya terdapat sesetengah pelajar membuat bising semasa guru sedang belajar. Selain itu, bagi pelajar yang tidak menyiapkan kerja sekolah pula mereka akan ketinggalan dalam pelajaran mereka dan hal yang demikian akan menjejaskan pencapaian akademik mereka. Oleh itu, pengurusan tingkah laku dan disiplin amat dititikberatkan bagi memastikan kelancaran para pelajar menerima pendidikan lancar serta dapat meningkatkan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, tingkah laku bermasalah atau abnormal behavior dalam bahasa Inggeris bermaksud satu tingkah laku tidak normal yang dilakukan oleh seseorang. Hal yang demikian merupakan satu nilai dan norma sosial yang terkeluar daripada kelompok masyarakat, termasuk sekolah. Tingkah laku bermasalah juga ditakrifkan sebagai perbuatan yang mendorong kepada kesulitan dalam hidupnya [8]. Di bawah konteks pendidikan, tingkah laku bermasalah merujuk kepada sebarang tingkah laku murid yang boleh menjejaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, khususnya di dalam bilik darjah. Bagi mengurangkan masalah ini, pihak sekolah khususnya guru mestilah bertindak tegas dan berfikir kreatif dalam menanganinya. Misalnya, pihak sekolah boleh melaksanakan Program

Sistem Penalti atau lebih dikenali sebagai Sistem Markah Demerit untuk mencatat kesalahan setiap pelajar. Selain itu, nasihat dan amaran seperti kerja amal dan sesi kaunseling juga boleh dilakukan bagi menangani masalah salah laku pelajar. Dalam usaha untuk membentuk sahsiah diri pelajar yang baik, pengurusan disiplin yang efisien mengikut prosedur perlu dipraktikkan kerana pengurusan tingkah laku dan disiplin pelajar merupakan tanggungjawab hakiki seorang guru sama ada di dalam atau luar kelas. Kajian ini merangkumi objektif untuk mengenal pasti strategi-strategi yang digunakan oleh guru dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin sekolah.

## 2. Tinjauan Literatur

### 2.1. Konsep Tingkah Laku, Pengurusan Disiplin dan Kategori Kesalahan Disiplin

Tingkah laku merupakan apa tindakan yang dilakukan atau diperkatakan oleh seseorang individu. Tingkah laku didefinisikan juga sebagai semua tindakan manusia yang boleh diperhati, diukur dan dinilai oleh orang di sekeliling serta sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara terus atau tidak, secara sadar atau separa sadar. Tingkah laku bermasalah adalah merujuk kepada sebarang tingkah laku sama ada positif atau negatif yang akan menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Disiplin pula merupakan peraturan atau undang-undang yang bertujuan untuk membentuk seorang pelajar yang tidak bertentangan dengan ajaran agama, norma masyarakat dan mematuhi undang-undang sesebuah negara. Berdasarkan kajian Ismail & Othman [9] 'pengurusan disiplin melibatkan tiga aspek tindakan iaitu penyediaan asas-asas kawalan tata tertib terutama sekali penentuan kesalahan tata tertib, pelaksanaan proses tata tertib dan mengenakan hukuman tata tertib'. Kebanyakan sekolah di Malaysia menggunakan peraturan-peraturan yang dilaksanakan di sekolah adalah berasaskan kepada undang-undang dan pekeling yang telah ditetapkan dan diterima oleh sekolah dari semasa ke semasa [9].

Disiplin terbahagi kepada tiga jenis kategori iaitu kesalahan ringan, kesalahan sederhana dan kesalahan berat. Kesalahan-kesalahan ini mewakili kod yang tersendiri kod R (kesalahan ringan), kod S (kesalahan sederhana) dan kod B (kesalahan berat) [10] [11]. Kesalahan ringan adalah merupakan kesalahan-kesalahan salah laku yang dinyatakan seperti mana yang dibekalkan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975. Antara salah laku yang dinyatakan dalam peraturan adalah mencemarkan kawasan sekolah, memijak rumput di tempat yang terlarang, tidak mengendahkan sampah, datang lewat ke sekolah/ kelas, membuat bising dalam kelas, tidak membawa buku/ menyiapkan kerja sekolah/tugasan, tidak memberi perhatian semasa guru mengajar, berada di kantin atau tempat-tempat lain pada waktu persekolahan (kecuali waktu rehat), menyimpan atau menggunakan alat permainan sekolah tanpa kebenaran, membawa dan menggunakan telefon bimbit, MP3 dan MP4, kesalahan lain yang ditafsir oleh pengetua termasuk dalam kategori ini dan berbagai-bagai lagi perlakuan yang tidak diingini. Tindakan hukuman iaitu amaran pula terbahagi kepada tiga peringkat yang merangkumi amaran pertama, kedua dan ketiga bagi kategori salah laku ringan dan sederhana dan amaran keras bagi kategori salah laku berat.

Kesalahan sederhana pula merupakan satu kesalahan yang perbuatannya boleh membawa kepada gangguan dan masalah terhadap ketenteraman sekolah. Antara contoh kesalahan sederhana ialah menconteng harta benda sekolah, mengganggu guru semasa guru mengajar, lewat ke surau, fesyen rambut keterlaluan seperti punk/skinhead atau berwarna, menindik telinga/memakai subang lebih dari satu pada satu cuping telinga, tidak amanah, menipu, berbohong dan meniru ketika ujian/peperiksaan, ponteng sebarang acara rasmi sekolah, kesalahan lain yang ditafsirkan oleh pengetua termasuk dalam kategori ini.

Kesalahan berat merupakan satu kesalahan yang besar serta boleh dikenakan hukuman berat seperti rotan, gantung sekolah atau boleh dikenakan tindakan dibuang sekolah. Antara kesalahan berat ialah melakukan mana-mana kesalahan ringan lebih daripada tiga kali seperti menggunakan peralatan, sumber bekalan elektrik sekolah tanpa kebenaran, mencetak, menerbit, mempamerkan, mengedar atau menyimpan rencana/majalah atau bahan multimedia terlarang, menganjur atau membabitkan diri dalam acara kebudayaan tanpa kebenaran pihak sekolah, menulis atau mengeluarkan kenyataan akhbar yang mencemarkan nama sekolah, mengganggu/menjejaskan kuasa pengetua, guru, warden atau pengawas yang menjalankan tugas, mencuri, merompak, memecah masuk dan mencerooboh kawasan larangan, melawan, mengancam, memukul, mengugut atau mencederakan guru atau pelajar, dan menyimpan, mengedar atau meminum minuman keras atau sebarang bahan yang memabukkan/mengkhayalkan.

## **2.2. Strategi yang Digunakan oleh Guru dalam Pengurusan Disiplin Sekolah**

Guru dikatakan memainkan peranan penting dalam pengurusan disiplin. Ini memandangkan guru merupakan orang yang paling rapat dan menjadi perantara langsung antara murid dengan kehendak sekolah dan sistem pendidikan [10].

Terdapat satu strategi yang digunakan oleh guru dalam pengurusan disiplin murid di sekolah. Strategi guru disiplin tersebut adalah dengan memantapkan murid dari segi rohani melalui program yang dinamakan SUMUR (Sahsiah Unggul Murid) [11] [12]. Kaedah ini merupakan strategi yang paling berkesan kerana melibatkan dua pihak iaitu antara guru dan murid itu sendiri. Pelaksanaan pelbagai program berasaskan perkembangan dari segi sahsiah murid untuk mencegah salah laku disiplin murid juga merupakan strategi yang digunakan dalam pengurusan disiplin sekolah. Program ini dapat membantu dalam membentuk tingkah laku murid yang lebih berkualiti sekaligus dapat membantu dalam mengurangkan masalah disiplin murid. Seperti yang sedia maklum, masalah disiplin yang dilakukan oleh murid disebabkan oleh sikap dan tingkah laku murid itu sendiri [13] [14]. Guru di sekolah berupaya menguruskan masalah disiplin dengan mengenal pasti punca dan strategi berkesan mengatasi masalah tersebut. Selanjutnya, daripada program SUMUR yang diadakan ini dapat meningkatkan keyakinan diri murid dan mempertingkatkan kerjasama di antara murid di sekolah.

Seterusnya, pengkaji memperoleh perkongsian yang diberikan oleh guru disiplin di sekolah terhadap pengalamannya dalam menguruskan murid yang bermasalah. Menurut Encik Ali [15], biasanya apabila mendapat maklumat mengenai murid bermasalah, beliau akan berjumpa murid tersebut dan memberikan nasihat kepadanya. Beliau juga akan memantau murid tersebut dalam masa sebulan untuk pemantapan rohani dan jati diri dalam empat aspek iaitu, solat diawal waktu, solat secara berjemaah, solat sunat ba'diah dan qabliah serta membaca quran. Empat aspek ini dititikberatkan supaya murid tersebut akan menjadi lebih baik, lebih tenang dan tidak akan berterusan dalam melanggar disiplin di sekolah.

Selain itu, Guru memainkan peranan yang penting dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin murid-muridnya. Guru bukan sahaja hanya mengajar tetapi guru juga merupakan pendidik kepada murid-murid. Guru perlu mengamalkan amalan yang terbaik (best practices) dalam kelasnya [16] [17]. Antara strategi guru dalam pengurusan disiplin murid ialah wujud hubungan harmoni antara guru dan murid. Semua guru perlu mengubah sikap mereka supaya masalah yang timbul tidak akan berlarutan. Hal ini bermakna, guru perlu bersedia menghadapi dan mengelakkan pelanggaran disiplin daripada berlaku di kalangan muridnya. sikap guru positif serta penuh dedikasi dalam menyampaikan pengajarannya secara berkesan bukan sahaja dapat menghapuskan masalah disiplin, malah dapat meningkatkan tahap pencapaian akademik murid [12].

## **2.3. Isu-Isu yang Dihadapi oleh Guru dalam Pengurusan Disiplin**

Bagi menguruskan disiplin murid, pelbagai isu yang harus dihadapi oleh guru termasuklah berlakunya salah faham ibu bapa terhadap tindakan yang diambil oleh guru terhadap anak-anak mereka. Sebagai contoh, satu kes yang berlaku di Pasir Mas, Kelantan iaitu akibat salah faham seorang guru lelaki cedera di pipi kiri setelah ditumbuk oleh bapa seorang murid tahun empat yang mendakwa guru terbabit telah menampar anak lelakinya. Kes ini berpunca apabila murid terbabit terhantuk di meja dan mengalami luka. Ketika guru itu bertanyakan mengenai hal tersebut, murid terbabit menangis lalu guru itu memujuk dengan menyentuh pipinya, bukan menampar. Jelas disini bahawa, murid tersebut mungkin telah tersilap menceritakan hal itu kepada ibu bapanya yang menyebabkan ibu bapanya telah silap faham dan tanpa usul periksa terus menyerang guru tersebut. Selain itu, pada era ini murid sering dikaitkan dengan pelbagai isu disiplin seperti yang melibatkan jenayah dan salah laku. Contoh-contoh masalah disiplin murid yang lazim berlaku adalah pergaduhan dan gengsterisme, merokok, menagih dadah, vape, memusnahkan harta benda awam, merompak dan ada yang mengupah orang untuk memukul guru. Ibu bapa kebiasaannya tidak menyedari bahawa anak mereka terlibat dengan perlakuan sedemikian kerana perlakuan tersebut tidak berlaku di hadapan mata mereka. Hal yang demikian menyebabkan ibu bapa akan menyalahkan guru kerana guru tidak mendidik anak mereka dengan baik.

Tambahan lagi, sikap murid yang sukar dibentuk juga menjadi isu utama yang dihadapi oleh guru dalam pengurusan disiplin pelajar. Pembentukan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat khususnya dalam kalangan murid amat sukar kerana terdapat pelbagai halangan dan cabaran dalam usaha meningkatkan nilai-nilai murni dalam diri mereka. Keadaan ini bukan sahaja berpunca daripada sikap murid itu sendiri malah juga berpunca daripada rakan sebaya dan ibu bapa murid tersebut.

Misalnya, sikap ketidakcanaan ibu bapa dek kesibukan kerja menyebabkan anak-anak kurang mendapat kasih sayang dan lebih banyak meluangkan masa dengan rakan-rakan. Ibu bapa tidak mengambil tahu dengan siapa anak mereka berkawan dan hal yang demikian menyebabkan anak-anak mereka terlibat dalam masalah sosial. Pembentukan sikap murid bukanlah semata-mata terletak di bahu guru malah ibu bapa juga seharusnya memainkan peranan utama dalam membentuk keperibadian murid ke arah yang lebih baik.

Menurut Encik Ali [15], cabaran yang beliau hadapi adalah kurang mendapat kerjasama yang baik antara murid. Rakan kepada murid yang bermasalah ini akan turut menipu serta mendiamkan diri supaya murid bermasalah itu tidak diketahui oleh guru disiplin. Perkara ini akan menyukarkan guru disiplin dalam proses mencari maklumat berkaitan pelaku kesalahan. Seorang murid haruslah membantu guru dalam menyelesaikan masalah dan memberi kerjasama yang baik. Tindakan dan kelakuan rakan subahat ini tidak patut ada dalam diri murid untuk mengelakkan diri daripada turut terpengaruh dan terlibat dalam masalah disiplin sekolah. Sikap memanjakan anak menjadi faktor kepada kesukaran mengapa untuk menerima apa yang guru lakukan bagi membentuk disiplin anak mereka.

Menurut Nor [18], Guru disiplin juga sering menghadapi kerenah dari pihak pentadbir sekolah dan rakan sejawat. Prosedur pengurusan disiplin yang dibuat oleh guru disiplin belum tentu akan disokong oleh pihak pentadbir sekolah dan rakan sejawat. Malah, berlakunya situasi tertentu dan belum ada pihak yang tampil untuk memberikan sokongan atau mempertahankan tindakan yang diambil. Akibat berlaku situasi itu, semua guru disiplin sering menghadapi dilema dalam melaksanakan peraturan sekolah terutamanya yang melibatkan hal-hal yang memerlukan tindakan tegas diambil contohnya seperti pergantungan dan pembuangan.

### **3. Metodologi**

#### **3.1. Latar Belakang Tempat Kajian**

Sekolah yang terletak di Batu 20, Bagan Datuk, Perak merupakan lokasi yang dipilih bagi menjalankan kajian ini. Sekolah ini telah ditubuhkan pada 21 Oktober 1937 oleh Jawatankuasa Penaja Madrasah setelah idea penubuhannya dikemukakan oleh Haji Ali Haji Hussein dan Tuan Guru Haji Mohamad Salleh telah dilantik sebagai mudir. Sekolah ini terdiri daripada murid tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dan jumlah pelajar adalah seramai 277 orang murid.

#### **3.2. Latar Belakang Responden**

Responden yang dipilih untuk ditemu bual berkaitan pengurusan tingkah laku dan disiplin murid adalah guru disiplin di madrasah tersebut yang bernama Encik Ali. Beliau telah mula mengajar di madrasah tersebut pada tahun 2015 hingga kini dan beliau juga mempunyai pelbagai pengalaman dalam menguruskan hal ehwal tingkah laku dan disiplin murid di sekolah. Dalam kajian ini memfokuskan kepada pengurusan tingkah laku dan disiplin murid khususnya tentang strategi yang dilaksanakan dan isu-isu yang timbul dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin murid di sekolah.

### **4. Dapatan Kajian**

Bagi memastikan segala maklumat berkaitan dengan pengurusan disiplin dapat dikumpulkan, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah. Pengkaji telah menjalankan kajian ini dengan menggunakan kaedah temu bual dengan salah seorang guru disiplin daripada sekolah yang terpilih bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Dapatan kajian diolah dengan menggunakan analisis SWOT.

Analisis SWOT merupakan kaedah perancangan strategik yang digunakan bagi menilai kekuatan, kelemahan dan ancaman yang wujud dalam sesebuah organisasi. Kaedah ini melibatkan faktor dalaman dan luaran yang membantu atau menghalang dalam mencapai sesuatu objektif. Bagi analisis SWOT dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin murid terdiri daripada beberapa aspek iaitu kekuatan, kelemahan, penambahbaikan dan ancaman. Analisis SWOT digunakan bagi menilai kekuatan dalam pengurusan murid di dalam sekolah tersebut. Analisis SWOT juga digunakan untuk melihat ancaman atau cabaran yang dihadapi oleh pihak sekolah. Bukan itu sahaja, dalam analisis SWOT penambahbaikan juga dapat dilakukan bagi mengatasi masalah-masalah dalam pengurusan tingkah laku murid yang dihadapi di sekolah tersebut.

Analisis SWOT yang pertama adalah kekuatan. Kekuatan memainkan peranan yang penting supaya dapat mendorong dalam pengurusan tingkah laku murid yang boleh memberi kesan baik terhadap disiplin di sekolah tersebut. Bagi kekuatan dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin murid sekolah di Daerah Bagan Datuk, Perak ini, guru disiplin di sekolah tersebut mempunyai banyak

pengalaman dan berkelayakan dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin. Selain itu, kekuatan yang dimiliki sekolah tersebut untuk mengatasi masalah tingkah laku dan disiplin murid adalah dengan membuat rondaan dan pemeriksaan yang dilakukan oleh guru bertugas mingguan di kawasan sekolah dan asrama putera dan puteri. Sebagai contoh, guru bertugas akan menjalankan tugas seperti membuat rondaan mengikut masa yang telah ditetapkan dan guru bertugas sentiasa membuat pemantauan secara mengejut supaya murid-murid dapat bersiap sedia pada setiap masa. Dengan ini jelaslah bahawa kekuatan yang ada dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin murid di sekolah tersebut telah membantu guru dalam mengatasi disiplin murid dan secara tidak langsung dapat mencapai prestasi sekolah ke arah lebih baik.

Analisis SWOT yang kedua adalah kelemahan. Kelemahan merupakan faktor atau perkara negatif yang dialami oleh sekolah tersebut berpunca daripada pengurusan tingkah laku dan disiplin murid. Antara kelemahan dalam analisis SWOT adalah murid dari latar belakang keluarga yang bermasalah. Sebagai contoh, murid tersebut kurang kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa mereka. Oleh yang demikian telah menyebabkan murid tersebut memberontak dan melakukan vandalisme di sekolah. Ibu bapa yang kurang meluangkan masa di rumah untuk anak-anak lantaran sibuk bekerja, begitu juga murid yang miskin juga kurang mendapat kasih sayang dari ibu bapa di rumah kerana adik beradik yang ramai mendorong terjadinya tingkah laku bermasalah ini di sekolah [12] [15]. Anak-anak yang tidak mendapat cukup perhatian di rumah selalunya cuba mendapatkan perhatian daripada guru di sekolah. Seorang anak selalunya mendapat perhatian daripada ibu bapa apabila berkelakuan tidak senonoh. Jika mereka tidak mengganggu ibu bapa selalunya dia tidak mendapat perhatian. Situasi ini menggalakkan mereka berkelakuan negatif dan tidak menggalakkan mereka berkelakuan positif. Murid ini beranggapan perlakuan tidak senonoh adalah cara untuk mendapatkan perhatian guru. Selain itu, kekurangan kerjasama dan sokongan daripada pihak ibu bapa dan ianya lebih memihak kepada anak-anak mereka. Pada masa yang sama, ibu bapa sentiasa menyalahkan guru-guru sekolah apabila mendapati anak-anak mereka terlibat dalam salah laku disiplin. Malah terdapat segelintir ibu bapa yang menuruti apa sahaja keinginan anak-anak mereka tanpa membuat sebarang perbincangan dan dengan guru mengenai keperluan sebenar yang diperlukan oleh anak-anak mereka. Seterusnya, masyarakat kini tidak prihatin berkaitan murid sekolah. Hal ini dapat membuktikan apabila orang awam hanya mengendahkan dan mendiadakan diri ketika melihat murid-murid ponteng sekolah, melepak, menghisap rokok dan vape serta melakukan vandalisme. Oleh yang demikian, tindakan ini adalah sangat tidak wajar kerana kerjasama daripada orang awam juga sangat penting bagi memastikan masalah ponteng dan jenayah tidak berlaku.

Analisis SWOT seterusnya ialah peluang penambahbaikan. Peluang penambahbaikan merupakan faktor-faktor keadaan yang dilihat boleh dimanfaatkan serta boleh digunakan untuk menambah baik pengurusan tingkah laku dan disiplin murid. Peluang penambahbaikan terhadap pengurusan dan tingkah laku murid boleh dilakukan oleh pihak sekolah dengan mengadakan program SUMUR (Sahsiah Unggul Murid) yang dilaksanakan pada setiap tahun. Program tersebut adalah untuk menguatkan dari segi rohani dan jati diri murid. Sebagai contoh, aktiviti jati diri ialah dengan mengadakan usrah pada setiap hujung minggu dan diketuai oleh senior-senior yang telah dilantik. Tujuan pihak sekolah mengadakan program jati diri ini adalah untuk memupuk semangat kerjasama dan saling menyayangi antara murid malah pada masa yang sama dapat memperbaiki dan penambahbaikan akhlak setiap individu. Bukan itu sahaja, pihak kerajaan perlulah memainkan peranan dengan pihak polis untuk mengadakan aktiviti seperti memberi ceramah, tayangan video dan tindakan hukuman yang diambil terhadap murid yang mempunyai masalah disiplin. Secara tidak langsung, ia dapat memberi kesedaran kepada murid dan murid akan berasa takut untuk melanggar peraturan-peraturan sekolah dan tidak melakukan masalah-masalah disiplin di sekolah lagi.

Analisis SWOT yang terakhir adalah ancaman. Ancaman merupakan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin murid. Ancaman yang dihadapi dalam sekolah tersebut adalah murid tidak mengaku kesalahan yang dilakukan malah ia turut menipu pihak sekolah untuk melepaskan diri daripada masalah yang dihadapi. Selain itu, murid lain cuba mempertahankan kelakuan murid yang melakukan masalah disiplin dengan cara menafikan tindakan tersebut. Apabila pihak sekolah menyelidik secara terperinci, ternyata bahawasanya murid tersebut hanya ingin melepaskan diri dengan cara mempengaruhi kawan-kawan lain. Tambahan pula, cabaran guru disiplin untuk menyelesaikan masalah tanpa melibatkan pihak polis. Guru disiplin cuba untuk menyelesaikan masalah tersebut di peringkat sekolah sahaja. Sekiranya masalah yang dihadapi terlalu berat, maka pihak sekolah akan melibatkan pihak polis untuk menyelesaikan masalah tersebut. Seterusnya, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh luar yang berunsur negatif di sekitar sekolah merupakan antara

faktor utama menyumbang kepada masalah pengurusan disiplin murid. Hal ini dapat membuktikan apabila terdapat rakan-rakan yang mempengaruhi rakan lain untuk mencuba sesuatu yang baru seperti merokok, mengedar barang terlarang, ponteng sekolah dan membuli. Bukan itu sahaja, ancaman yang dihadapi dalam pengurusan disiplin juga adalah melalui penggunaan gajet seperti telefon pintar dan laptop. Oleh itu jelaslah bahawa terdapat banyak cabaran yang dihadapi dalam mengatasi masalah disiplin murid telah memberi kesan yang buruk kepada imej pelajar mahupun sekolah.

## 5. Rumusan

Isu disiplin dalam kalangan murid merupakan perkara yang perlu diberi perhatian yang serius kerana isu disiplin yang kecil akan berterusan jika tidak diatasinya dengan segera. Secara umumnya, ahli disiplin di sekolah mungkin sudah biasa dengan kesalahan murid seperti ponteng sekolah, bertengkar dengan guru, menghisap rokok di sekolah, dan lain-lain. Disiplin penting agar proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menjadi cekap dan teratur. Seterusnya proses pengajaran yang dirancang oleh guru dapat dijalankan dengan teratur tanpa gangguan dengan adanya disiplin. Murid menjadi lebih bermotivasi dan aktif apabila mereka berdisiplin. Semua pihak perlu bekerjasama menangani isu disiplin murid sebelum nasi menjadi bubur.

Untuk mewujudkan generasi yang lebih berguna pada masa hadapan juga, langkah drastik mestilah diambil dari semua pihak. Kesemua pihak perlu bersama-sama menangani isu tingkah laku dan disiplin dalam kalangan murid agar dapat melahirkan murid yang berkaliber serta berwawasan selaras dengan wawasan Negara ke arah masyarakat yang berpengetahuan tinggi. Dalam hal ini, semua pihak hendaklah menanganinya secara kolektif dan bijaksana. Ideologi belia berubah dari semasa ke semasa dan cara menanganinya juga akan berubah. Ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat, dan media massa harus sentiasa menyumbang untuk menyelesaikan masalah ini. Berdepan dengan pelbagai cabaran globalisasi tanpa had ini, semua maklumat, sama ada benar atau palsu boleh disalurkan terus kepada golongan muda. Remaja boleh melakukan apa sahaja yang mereka mahu, tetapi hanya dengan kepercayaan dan kesedaran sivik yang tinggi.

Peranan utama dalam menangani masalah tingkah laku dan disiplin murid ialah keluarga. Ibu bapa harus menjadi teladan dan contoh yang baik kepada anak-anak. Tingkah laku anak-anak merupakan cerminan didikan dan perangai daripada ibu bapa. Ibu bapa mestilah mengelakkan diri daripada bertengkar di hadapan kanak-kanak dan tingkah laku yang tidak senonoh yang menyebabkan kanak-kanak berasa marah dan tidak gembira. Sememangnya semua ibu bapa mahu anak-anak mereka menjadi baik, tetapi ibu bapa mesti menunjukkan contoh yang baik dahulu baru anak-anak akan mengikuti sifat ibu bapa. Selain itu, ibu bapa dan rakan-rakan kanak-kanak itu perlu bimbang dengan pergerakan bagi mengelak kejadian yang tidak diinginkan. Selain itu, pihak sekolah berperanan untuk menambah nilai pengajaran mata pelajaran iaitu menerapkan nilai-nilai murni dalam semua kelas. Pelajaran boleh dijalankan secara interaktif, memberikan murid lebih berminat untuk hadir ke sekolah dan meneruskan pelajaran. Unsur-unsur tema keagamaan dan kewarganegaraan perlu ada dalam semua mata pelajaran agar golongan muda diasuh dengan nilai-nilai murni dalam apa jua perkara yang dipelajari.

Manakala golongan muda berperanan mencari pertolongan apabila ada masalah. Mereka perlu mendapatkan nasihat daripada orang lain selain daripada rakan sebaya apabila mereka menghadapi masalah di rumah atau bersama rakan. Kebanyakan remaja lebih suka berdiam diri tentang masalah mereka atau hanya memberitahu rakan sebaya tentang masalah mereka. Akibatnya, tindakan yang diambil kadangkala menyusahkan orang lain kerana tidak selari dengan kehendak agama dan undang-undang. Bercakap dengan kaunselor atau guru boleh membantu apabila ibu bapa dan penjaga tidak memahami isu remaja. Akhir sekali, peranan masyarakat dan media adalah masyarakat juga harus berperan di dalamnya. Membantu remaja yang sedang berjuang harus dimulai dengan memahami situasi keluarga remaja tersebut. Tetangga, misalnya, dapat membantu mengidentifikasi remaja bermasalah dan mencoba membimbing mereka di jalan yang benar dengan kesalahan sedang. Media massa juga dapat membantu mengisi rencana di televisyen, radio, dan surat kabar. Kursus yang ditawarkan harus lebih informatif dan merangsang fikiran anak muda.

Oleh itu, pihak sekolah haruslah bertindak lebih proaktif dan berganding bahu antara satu sama lain dalam merancang langkah yang lebih efisien untuk mengatasi isu salah laku pelajar di sekolah. Pihak sekolah haruslah tidak memandang sebelah mata terhadap masalah disiplin. Hal ini kerana masalah disiplin di sekolah boleh menyebabkan akibat yang buruk terhadap pelajar, guru dan sekolah. Ketidacanaan guru terhadap masalah disiplin akan memburukkan nama sekolah dan sekolah akan dipandang rendah oleh masyarakat. Pihak sekolah perlulah bekerjasama dengan ibu bapa untuk

bersama-sama mendidik pelajar di dalam dan juga di luar sekolah bak kata pepatah “bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”. Peribahasa ini sangat berkesan untuk membanteras masalah disiplin di sekolah. Selain itu, pihak sekolah juga perlu bekerjasama dengan pihak polis untuk menjadi moderator atau memantau disiplin pelajar.

## Rujukan

- [1] D. M. Baer, M. M. Wolf, and T. R. Risley, “Some Still-Current Dimensions of Applied Behavior Analysis,” *Journal of Applied Behavior Analysis*, vol. 20, no. 4, pp. 313-327.
- [2] G. Martin, and J. Pear, *Behavior modification: What it is and how to do it*. Englewood Cliffs, NJ Prentice Hall, 1996.
- [3] -, *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- [4] -, Surat Pekeliling Ikhtisas. *Pendidikan di Sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1981.
- [5] M. Foucault, *Discipline and punish: The birth of the prison*. US: American Psychological Association, 1979.
- [6] J. J. Jones and S. Ferguson, *Transformational Parenting*. UK: Roots N Wings, Inc., 2019.
- [7] R. K. Singh, *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan untuk Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah dan Menengah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd, 2005
- [8] M. N. Mohamed, *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- [9] R. A. M. Ismail & M. I. Othman. (2020). Cabaran pengurusan disiplin sekolah masa kini. UUM Press.
- [10] N. F. Mat Daud, N. A. S. Mat Yusoff, N. H. Mohd Azmi, S. Z. K. Mohd Asri, N. Z. Manisha Zaidi, and M. R. Husin, “Kerja Sambilan Mempengaruhi Ketidakhadiran Pelajar Tingkatan 3”, *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 67-79, Aug. 2021.
- [11] N. S. Hanim, “Pelajar Berkecerdasan Tinggi dalam Kalangan Pelajar Kelas Rancangan Khas”, *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 1, pp. 1 - 13, Jun. 2019.
- [11] J. J. E. Ang. *Pengurusan Disiplin Murid (Edisi kedua)*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd, 2013.
- [12] M. Farhan, “Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana”, *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 3, no. 1, pp. 1-10, Jun. 2020.
- [13] F. Mahadi, M. R. Husin, and N. Md Hassan, “Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori atau Kinestetik”, *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 4, no. 1, pp. 29-36, Apr. 2022.
- [14] N. Abdul Rahim, N. A. Meor Fadzir, N. A. H. Zaimal, F. F. Arias Yahaya, Z. I. Zainol, and M. R. Husin, “Implikasi Gaya Pembelajaran Koperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang”, *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 57-66, Aug. 2021.
- [15] Enck, Ali, in a personal interview, explained “Pengalaman sebagai guru disiplin di sekolah dalam menguruskan murid yang bermasalah”, March 2022.
- [16] P. Perumal, M. R. Husin, and S. Nachiappan, “Analisis Gaya Kognisi dan Afeksi Murid dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah”, *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 4, no. 1, pp. 22-28, Apr. 2022.
- [17] R. A. K. Mohamed, A. H. Ali, and M. Nasir, “Aplikasi Ranah Kognitif Anderson & Krahtwohl dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pantun di Sekolah Dasar”, *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 3, pp. 110-118, Dec. 2021.
- [18] S. M. Nor. *Pengurusan Disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di Daerah Pasir Gudang, Johor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2013.